

20 SEP 2002

BELANJAWAN-TENAGA/I

KAJIAN SEMULA GALAKAN UNTUK PENJIMATAN TENAGA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Sebagai langkah untuk terus mengurangkan kos menjalankan perniagaan dengan menjimatkan tenaga, Kerajaan telah mencadangkan galakan sedia ada dilanjutkan selama tiga tahun lagi sehingga 31 Dis, 2005.

Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Pada masa ini, galakan cukai adalah Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70 peratus ke atas pendapatan statutori selama lima tahun atau Elaun Cukai Pelaburan 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70 peratus daripada pendapatan statutori.

Insentif lain adalah pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk projek berkenaan jika tidak dikeluarkan dalam negara manakala peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan diberi pengecualian cukai jualan, kata Dr Mahathir.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima pada 28 Okt, 2000 sehingga 31 Dis, 2002 dimana syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Kerajaan juga mencadangkan tempoh menghapuskira perbelanjaan modal keatas peralatan penjimatan tenaga dipercepatkan daripada tiga tahun kepada satu tahun.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

Sebelum ini syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri menikmati Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan penjimatan tenaga dihapuskira dalam tempoh tiga tahun.

Syarikat juga menikmati pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk projek berkenaan jika tidak dikeluarkan dalam negara dan peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan diberi pengecualian cukai jualan, tambah Perdana Menteri. -- BERNAMA

MAS ZK